

Bil. S 10

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH *HIBAH*, 2018

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Pengenaaan
4. Bidang kuasa eksklusif

BAHAGIAN II

*HIBAH*

5. Syarat-syarat *hibah* yang sah
6. *Hibah* boleh dibuat secara lisan, bertulis atau dengan gerak isyarat
7. *Hibah* bergantung
8. *Hibah* bersyarat
9. Penyerahan *hibah* secara tidak rasmi
10. Hutang sebagai *hibah*
11. *Hibah* harta yang belum dibahagikan
12. *Hibah* dalam keadaan *marad-al-maut*

**BAHAGIAN III**

**PEMBERI *HIBAH***

13. Syarat-syarat pemberi *hibah*
14. *Hibah* oleh wakil
15. *Hibah* oleh penerima *wadi'ah*

**BAHAGIAN IV**

**PENERIMA *HIBAH***

16. Penerima *hibah*
17. *Hibah* kepada orang yang belum cukup umur, orang hilang akal atau *safih*

**BAHAGIAN V**

**AM**

18. *Hibah* bagi tujuan yang menyalahi *Hukum Syara'*
19. Kesan *hibah* yang sah
20. Pembatalan
21. *Hibah* dengan syarat pertukaran
22. Peraturan-peraturan

JADUAL — PERKATAAN, UNGKAPAN DAN TULISAN ARAB

---

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH *HIBAH*, 2018

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah *Hibah*, 2018 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi undang-undang berkenaan dengan *hibah* dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“pemberi *hibah*” bermakna orang yang membuat *hibah*;

“*hibah*” bermakna pemberian sesuatu harta hak kepunyaan pemberi *hibah* yang dibuat semasa hayatnya secara sukarela kepada penerima *hibah* tanpa apa-apa balasan;

“*Hukum Syara'*” bermakna hukum-hukum menurut mana-mana *Mazhab* yang Mahkamah Syariah menganggap sah dengan mengutamakan pendapat *Mazhab Shafi'ee* yang telah diterima (*qaul muhtamad*);

“*marad-al-maut*” bermakna sakit yang pada kebiasaannya menyebabkan kematian;

“Menteri” bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama;

“ibu bapa” bermakna ibu atau bapa, termasuk ke atas;

“hak kepunyaan” bermakna berkuasa sepenuhnya ke atas sesuatu harta bagi tujuan memperolehi sesuatu faedah yang dapat diberikan, atau biasanya diperolehi darinya, kerana mempunyai hak ke atas harta tersebut;

“harta” bermakna mana-mana benda yang berharga dan boleh dijual menurut *Hukum Syara'*, tetapi tidak termasuk hutang bagi tujuan membuat *hibah* mengenainya kepada mana-mana orang kecuali orang yang berhutang;

“*safih*” bermakna orang yang membazirkan hartanya dengan cara yang tidak patut dan tidak munasabah;

“Mahkamah Syariah” bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) dari Akta Mahkamah Syariah (Penggalaan 184);

“*wadi'ah*” bermakna harta yang diletakkan kepada bukan pemiliknya untuk tujuan penjagaan dan amanah.

(2) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan Perintah ini yang bercanggah dengan *Hukum Syara'* adalah tidak sah setakat mana peruntukan itu atau tafsiran peruntukan itu bercanggah.

(3) Berkenaan dengan apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini, Mahkamah Syariah hendaklah mengenakan *Hukum Syara'*.

(4) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggalaan 4) hendaklah masing-masing mempunyai makna yang ditentukan kepadanya dalam Akta itu setakat mana ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*.

(5) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran sebarang perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini dan disenaraikan dalam Jadual, rujukan boleh dibuat kepada bentuk asal dalam tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual.

### **Pengenaan**

3. Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang berlawanan dalam sebarang undang-undang bertulis lain, Perintah ini dikenakan kepada semua perkara di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut agama Islam.

**Bidang kuasa eksklusif**

4. Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada mahkamah, selain dari sebuah Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa perkara di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang berbangkit dalam Perintah ini.

**BAHAGIAN II**

***HIBAH***

**Syarat-syarat *hibah* yang sah**

5. Suatu *hibah* tidaklah sah melainkan jika —

(a) harta itu adalah kepunyaan pemberi *hibah*;

(b) pengakuan *hibah* itu dibuat, sama ada dengan nyata atau secara tersirat, oleh atau bagi pihak pemberi *hibah*;

(c) penerimaan *hibah* itu dibuat, sama ada dengan nyata atau secara tersirat, oleh atau bagi pihak penerima *hibah*;

(d) hak kepunyaan harta itu diserahkan oleh pemberi *hibah* kepada penerima *hibah* sama ada secara fizikal atau secara simbolik bergantung kepada jenis harta tersebut;

(e) harta itu adalah harta tertentu dan bukan manfaat sahaja dari harta tersebut; dan

(f) harta itu wujud pada masa *hibah* itu dibuat.

*Misalan-Misalan*

(a) A berkata kepada B dengan lafaz “Saya berikan barang ini kepadamu”, kemudian B berkata “Saya terima”. *Hibah* itu diterima dengan nyata.

(b) A berkata kepada B “Inilah pakaianmu”. Kemudian B memegang pakaian tersebut. *Hibah* itu diterima secara tersirat.

(c) A berkata kepada B dengan lafaz “Saya berikan rumah ini kepadamu”. Maka rumah tersebut adalah *hibah* dari harta tertentu jika A membuat *hibah* kepada B mengenai rumah itu keseluruhannya dan bukan untuk mendiaminya sahaja.

(d) A membuat *hibah* kepada B mengenai buah-buahan yang mungkin dihasilkan oleh kebunnya pada tahun ini. *Hibah* itu tidak sah kerana harta tersebut tidak wujud pada masa *hibah* itu dibuat.

(e) *A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai anak kambingnya yang masih dalam perut ibunya. *Hibah* itu tidak sah kerana harta tersebut tidak wujud pada masa *hibah* itu dibuat.

### ***Hibah* boleh dibuat secara lisan, bertulis atau dengan gerak isyarat**

6. (1) *Hibah* boleh dibuat sama ada secara lisan atau bertulis:

Dengan syarat bahawa jika pemberi *hibah* tidak dapat berbuat demikian, *hibah* boleh dibuat dengan apa-apa gerak isyarat yang boleh difahami.

(2) *Hibah* yang dibuat di bawah cerai (1) hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurangnya dua orang.

(3) *Hibah* yang dibuat secara bertulis boleh ditandatangani oleh, atau bagi pihak, pemberi *hibah*.

### ***Hibah* bergantung**

7. Sebarang *hibah* yang bergantung kepada berlakunya atau tidak berlakunya sesuatu kejadian di masa hadapan yang tidak jelas adalah tidak sah.

#### *Misalan-Misalan*

(a) *A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai sebuah rumah jika *B* sudah berkahwin. *Hibah* itu adalah tidak sah.

(b) *A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai buah-buahan jika hasilnya baik pada tahun ini. *Hibah* itu adalah tidak sah.

### ***Hibah* bersyarat**

8. Jika pemberi *hibah* membuat *hibah* kepada penerima *hibah* dengan syarat-syarat atau sekatan-sekatan tentang hak kepunyaan, pelupusan atau penggunaan harta itu, maka syarat-syarat atau sekatan-sekatan itu adalah tidak sah tetapi *hibah* itu adalah sah dan harta itu adalah kepunyaan mutlak penerima *hibah*.

#### *Misalan-Misalan*

(a) *A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai sebuah rumah dengan syarat bahawa *hibah* itu hanyalah semasa hayat *B* sahaja dan jika *B* meninggal dunia rumah itu akan menjadi kepunyaan *A* semula. *Hibah* itu adalah sah tetapi syarat tersebut tidak sah dan rumah tersebut adalah kepunyaan mutlak *B* dan selepas *B* meninggal dunia, rumah tersebut akan menjadi kepunyaan ahli-ahli waris *B*, dan jika *B* tidak mempunyai ahli-ahli waris, maka rumah tersebut akan menjadi kepunyaan *Baitulmal*.

(b) *A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai sebuah rumah dengan syarat bahawa jika *B* meninggal dunia lebih dahulu daripada *A*, rumah itu akan menjadi kepunyaan *A* semula dan jika *A* meninggal dunia lebih dahulu daripada *B*, maka rumah itu akan menjadi

kepunyaan *B*. *Hibah* itu adalah sah tetapi syarat tersebut tidak sah dan rumah tersebut adalah kepunyaan mutlak *B* dan selepas *B* meninggal dunia, rumah tersebut akan menjadi kepunyaan ahli-ahli waris *B* dan jika *B* tidak mempunyai ahli-ahli waris, maka rumah tersebut akan menjadi kepunyaan *Baitulmal*.

(c) *A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai sebuah rumah dengan syarat bahawa *B* dan ahli-ahli warisnya tidak akan menjual rumah itu. Syarat itu adalah tidak sah tetapi *hibah* itu sah dan rumah itu adalah kepunyaan mutlak *B*.

#### **Penyerahan *hibah* secara tidak rasmi**

9. *Hibah* hendaklah disahkan dengan pengakuan dan penerimaan tanpa perlu menyerahkan hak kepunyaan secara rasmi, jika —

(a) *hibah* itu diberikan kepada penerima *wadi'ah* pada masa harta tersebut berada dalam jagaannya;

(b) *hibah* itu diberikan kepada penyewa harta tersebut; atau

(c) pemberi *hibah* dan juga penerima *hibah* tinggal di dalam harta yang sama pada masa *hibah* itu dibuat.

#### **Hutang sebagai *hibah***

10. Suatu hutang yang dijadikan *hibah* oleh pemiutang kepada orang yang berhutang akan melupuskan hutang yang kena dibayar oleh penerima *hibah*.

*Huraian* — Suatu hutang yang dijadikan *hibah* oleh pemiutang kepada mana-mana orang lain selain daripada orang yang berhutang adalah tidak sah.

#### ***Hibah* harta yang belum dibahagikan**

11. (1) Harta yang diberikan kepada dua orang penerima *hibah* atau lebih adalah sah walaupun harta tersebut belum dibahagikan masing-masing kepada setiap penerima *hibah*.

(2) *Hibah* harta yang dimiliki bersama oleh dua orang atau lebih adalah sah walaupun pada masa *hibah* itu dibuat harta tersebut belum dibahagikan atau ditentukan bahagian masing-masing kepada setiap seorang daripada mereka.

#### *Misalan-Misalan*

(a) *A* membuat *hibah* kepada *B* dan *C* mengenai sebuah rumah tanpa membahagikannya terlebih dahulu. *B* dan *C* menerima rumah tersebut. *Hibah* itu adalah sah walaupun setiap bahagiannya belum ditentukan.

(b) *A* dan *B* memiliki sejumlah wang hasil dari keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan yang mereka jalankan. Wang tersebut belum dibahagikan dan

ditentukan kepada setiap seorang daripada mereka dan *B* berkata kepada *C* “Saya membuat *hibah* kepadamu bahagian yang saya berhak menerimanya”. *Hibah* tersebut adalah sah walaupun setiap bahagiannya belum ditentukan.

### ***Hibah* dalam keadaan *marad-al-maut***

12. Jika pada masa *hibah* dibuat, pemberi *hibah* dalam keadaan *marad-al-maut*, *hibah* tersebut adalah sah setakat satu pertiga dari harta itu yang diberikan untuk *hibah*.

## **BAHAGIAN III**

### **PEMBERI *HIBAH***

#### **Syarat-syarat pemberi *hibah***

13. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, *hibah* hendaklah dibuat oleh seorang yang —

- (a) telah mencapai umur 15 tahun *qamariah* dan berakal;
- (b) tidak dipaksa;
- (c) tidak *safih*; dan
- (d) tidak diisytiharkan bankrap.

#### ***Hibah* oleh wakil**

14. (1) *Hibah* yang dibuat oleh seseorang yang bukan pemilik harta itu adalah tidak sah melainkan jika orang itu diberi kuasa oleh pemilik harta tersebut untuk membuat *hibah* itu sebagai seorang wakil bagi pihaknya.

(2) Jika harta tersebut dimiliki bersama oleh pemilik harta itu dan wakilnya, *hibah* yang dibuat oleh wakil tersebut adalah sah setakat bahagian harta yang dimilikinya sahaja melainkan jika pemilik yang satu lagi harta itu memberi kuasa kepada wakil tersebut untuk membuat *hibah* ke atas bahagian hartanya.

#### ***Hibah* oleh penerima *wadi'ah***

15. *Hibah* yang dibuat oleh penerima *wadi'ah* adalah tidak sah melainkan jika dia diberi kuasa oleh pemilik harta tersebut untuk membuat *hibah* dalam hal itu (sebagai pemegang amanah) bagi pihaknya.



BAHAGIAN IV

PENERIMA *HIBAH*

Penerima *hibah*

16. Penerima *hibah* hendaklah wujud pada masa *hibah* dibuat.

*Huraian* — *Hibah* yang dibuat kepada anak yang masih dalam kandungan atau seseorang yang tidak diketahui di mana dia berada adalah tidak sah.

*Hibah* kepada orang yang belum cukup umur, orang hilang akal atau *safih*

17. (1) *Hibah* yang dibuat oleh ibu atau bapa kepada anaknya yang belum cukup umur, atau *hibah* yang dibuat oleh seorang penjaga kepada anak jagaannya adalah sah tanpa sebarang penyerahan hak kepunyaan secara rasmi.

(2) *Hibah* yang dibuat kepada orang yang belum cukup umur, orang hilang akal atau *safih* oleh seseorang selain daripada ibu bapa atau penjaganya, hendaklah disahkan dengan penyerahan hak kepunyaan kepada ibu bapanya atau penjaganya, mengikut mana yang berkenaan.

BAHAGIAN V

AM

*Hibah* bagi tujuan yang menyalahi *Hukum Syara'*

18. *Hibah* yang dibuat bagi tujuan yang menyalahi *Hukum Syara'* adalah tidak sah.

Kesan *hibah* yang sah

19. *Hibah* yang sah tidaklah menjejaskan mana-mana peruntukan dalam sebarang undang-undang bertulis lain berkenaan dengan pemindahan hak kepunyaan ke atas harta yang menjadi hal perkara *hibah*.

Pembatalan

20. *Hibah* yang sah tidak boleh dibatalkan oleh pemberi *hibah* kecuali bagi *hibah* yang dibuat oleh ibu atau bapa kepada anaknya, dengan syarat bahawa harta itu masih dalam milik anaknya.

**Hibah dengan syarat pertukaran**

21. *Hibah* yang dibuat dengan syarat pertukaran yang ditentukan adalah dianggap sebagai suatu kontrak jual beli dan tidaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini.

*Misalan*

*A* membuat *hibah* kepada *B* mengenai rumahnya dengan syarat sebagai pertukaran *B* akan memberikan keretanya kepada *A*. *A* dan *B* dengan yang demikian bertukar-tukar rumah dan kereta. Ini adalah suatu kontrak jual beli dan bukannya *hibah*.

**Peraturan-peraturan**

22. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, dan termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang mungkin ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan yang bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

JADUAL  
(bab 2(5))

PERKATAAN, UNGKAPAN DAN TULISAN ARAB

<i>Baitulmal</i>	----	بيت المال
<i>Hibah</i>	----	هبة
<i>Hukum Syara'</i>	----	حكم شرع
<i>Marad-al-maut</i>	----	مرض الموت
<i>Safih</i>	----	سفيه
<i>Wadi'ah</i>	----	وديعة

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 26 haribulan Februari, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM